

## **Kaedah *Tahrīrāt al-Ḍabbā'*: Analisis Terhadap Faktor dan Pendekatan Pemilihan Kaedah Bacaan *Uṣūl* dalam *Tahrīrāt Matn al-Shāṭibiyyah***

Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abdul Halim  
Universiti Malaya, arepitwarsh@yahoo.com

Sedek Ariffin  
Universiti Malaya, sedek2001@um.edu.my

Abdollatif Ahmadi Ramchahi  
Universiti Malaya, magapu2005@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no1.3>

### **Abstrak**

*Tahrīrāt Matn al-Shāṭibiyyah* adalah satu proses penelitian oleh para sarjana Ilmu *Qirā'āt* terhadap kaedah-kaedah bacaan yang terdapat dalam *Matn al-Shāṭibiyyah*. Jika dilihat kepada beberapa karya *Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah*, khususnya *tahrīrāt* oleh 'Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā' menerusi karyanya *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*, terdapat kaedah bacaan pada beberapa kalimah *uṣūl qirā'āt* bercanggah dengan kaedah bacaan dalam *Matn al-Shāṭibiyyah*. Penulisan ini bertujuan menganalisis kalimah-kalimah yang mempunyai percanggahan bagi melihat faktor yang mempengaruhi *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* dalam pemilihan kaedah bacaan dari sudut status kedudukan *ṭarīq* (jalur) periwayatan kalimah-kalimah tersebut dalam *Matn al-Shāṭibiyyah* dan kitab asalnya iaitu *al-Taysīr* karya Abū 'Amr al-Dānī. Kajian ini juga cuba mengenalpasti pendekatan *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* dalam menjustifikasikan percanggahan kalimah-kalimah tersebut, sama ada berpendekatan berpegang secara keseluruhan atau sebahagian fakta-fakta daripada *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan karya-karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*. Metodologi kajian ini melibatkan proses pengumpulan data berkait status kedudukan *ṭarīq* periwayatan setiap kalimah yang dikumpulkan daripada tiga sumber iaitu karya *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan karya-karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*. Hasil kajian mendapati tiga faktor, iaitu *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* menolak kaedah bacaan yang lemah, berbeza dari *ṭarīq Matn al-Shāṭibiyyah* dan berbeza dari *ṭarīq al-Taysīr*. Kajian juga mendapati lima pendekatan yang digunakan melibatkan sandaran fakta daripada karya-karya utama iaitu *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan karya-karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*. Penulisan ini secara langsung memperlihatkan kualiti kaedah bacaan dalam *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* dan diharapkan memberi impak sebagai data yang menyokong penggunaan *tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* dalam pembacaan *qirā'āt*.

**Kata kunci:** *Matn al-Shāṭibiyyah*, *Tahrīrāt*, al-Shāṭibi, *Tahrīrāt al-Ḍabbā'*, *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*

***Method of Tahrīrāt Al-Ḍabbā': An Analysis of Factors and Approaches in Selecting Uṣūl Style of Recitation in Tahrīrāt Matn al-Shāṭibiyyah***

***Abstract***

Tahrīrāt Matn al-Shāṭibiyyah is an investigation process by scholars of Qirā'āt Study on recitation methods in the Matn al-Shāṭibiyyah. Based on the observation of several Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah works, especially tahrīrāt by 'Alī bin Muḥammad al-Dabbā' in his work Mukhtaṣar Bulūgh al-Umniyyah, there are several recitation methods for a number of uṣūl qirā'āt words that contrast with the recitation methods in Matn al-Shāṭibiyyah. The purpose of this study is to analyse the contrasting words in order to examine the factors that influence Tahrīrāt al-Ḍabbā' in the selection of recitation methods from the aspect of ṭarīq position (path) of the narrations of these words in Matn al-Shāṭibiyyah as well as the original work, which is al-Taysīr by Abū 'Amr al-Dānī. This study also attempts to identify the approach of Tahrīrāt al-Ḍabbā' in justifying the words' contrasts, either through the approach of adhering completely to all facts or only to selected facts from al-Taysīr, al-Nashr and other works that explain Matn al-Shāṭibiyyah. The methodology of this study involves data collection process from three sources, which are al-Taysīr, al-Nashr and other explanation works of Matn al-Shāṭibiyyah. The result of the study reveals that there are three factors; Tahrīrāt al-Ḍabbā' rejects weak recitation methods, which differ from ṭarīq Matn al-Shāṭibiyyah and ṭarīq al-Taysīr. The study also found the five approaches that have been used involve facts from the main works, which are al-Taysīr, al-Nashr and other explanation works of Matn al-Shāṭibiyyah. Moreover the present study displays the quality of recitation methods in Tahrīrāt al-Ḍabbā' and it is hoped that it is impactful in terms of supporting the use of Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah in qirā'āt recitation.

**Keywords:** *Matn al-Shāṭibiyyah, Tahrīrāt, al-Shāṭibi, Tahrīrāt al-Ḍabbā', Mukhtaṣar Bulūgh al-Umniyyah*

**Pendahuluan**

*Tahrīrāt Matn al-Shāṭibiyyah* merupakan salah satu elemen dalam Ilmu *Tahrīrāt al-Qirā'āt* yang merujuk kepada proses penelitian oleh para sarjana Ilmu al-Qirā'āt terhadap salah satu karya utama dalam ilmu ini iaitu *Hirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī* yang dikenali sebagai *Matn al-Shāṭibiyyah* atau *al-Hirz*, hasil karya

tokoh ulung al-Imām al-Shāṭibī (590H).<sup>1</sup> Secara umum, penelitian *tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* menjurus kepada tiga aspek utama iaitu, pertama, penjelasan susunan kaedah-kaedah bacaan, periwayatan dan *ṭuruq*. Kedua, menentukan bacaan-bacaan yang kuat, lemah dan ditegah pengamalannya. Ketiga, mengkhususkan makna matan yang umum.<sup>2</sup> Tujuan utamanya adalah untuk mengelakkan *talfīq*<sup>3</sup> dalam praktikal bacaan *Qirā'āt*.<sup>4</sup>

Proses ini berkembang dengan terhasilnya karya-karya *tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* yang dinisbahkan kepada pengarangnya dengan nama-nama seperti *Tahrīrāt al-Jamzūrī*,<sup>5</sup> *Tahrīrāt al-Samannūdī*<sup>6</sup> dan lain-lain.<sup>7</sup> Salah satu *tahrīrāt* yang masyhur

---

<sup>1</sup> Al-Qāsim bin Firruḥ bin Khalaf bin Aḥmad Abū al-Qāsim Abū Muḥammad al-Shāṭibī al-Ru'aynī al-Andalusī. Lahir pada akhir tahun 538H di Shāṭibah dan wafat setelah berusia 52 tahun, tahun 590H dan disemadikan di Jabal Muqaṭṭam, Mesir. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Al-Jazarī, *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā'* ed. Jamāl al-Dīn Sharaf dan Majdī Faṭḥī al-Sayyid (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2009, 2:221. Ibrāhīm bin Badwī al-'Ubaydī, *al-Taḥrīr al-Muntakhabah*, ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd (Mesir: Maktabah 'Ibād al-Raḥmān, 2009), 16.

<sup>2</sup> Muṣṭafā bin 'Abd al-Raḥmān al-Azmīrī, *'Umdah al-'Irfān fī Tahrīr Awjuh al-Qur'ān*, ed. Muḥammad Jābir dan 'Abd al-'Azīz al-Zayyāt (Kaheerah: Maktabah al-Jundī, 2006), 3. Lihat juga 'Abd al-Rāziq Mūsā, *Tadrīb al-Ṭalabah 'alā Tahrīrāt al-Ṭayyibah* (Kuwait: Ghirrās, 2008), 26. 'Amir 'Uthmān al-Sayyid, *Faṭḥ al-Qadīr Sharḥ Tanqīḥ Faṭḥ al-Karīm*, ed. 'Alī Muḥammad Tawfiq al-Naḥḥās (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2012), 3. Iḥāb Aḥmad Fikrī, *Taqrīb al-Ṭayyibah*, cet. ke-2 (Kaheerah: Maktabah al-Islāmiyyah, 2010, 589).

<sup>3</sup> *Talfīq* dalam bacaan Qiraat adalah bertukar-tukar antara satu jenis qiraat dengan qiraat yang lain dalam satu bacaan tanpa mengulang kembali kaedah-kaedah bacaan yang berbeza antara jenis-jenis qiraat tersebut. Contohnya dibaca 6 harakat Mad jaiz Munfasil pada tempat pertama, diikuti 4 harakat pada tempat kedua dalam satu bacaan. Lihat Ibrahim bin Said al-Dawsari, *Mukhtaṣar al-Ibarat li Mu'jam Muṣṭalahāt al-Qiraat* (Riyadh: Dār al-Ḥadharah, 2008), 29, 46.

<sup>4</sup> Al-Mutawallī Muḥammad bin Aḥmad *al-Rawḍ al-Naḍīr*, ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah), 2006, 112.

<sup>5</sup> *Tahrīrāt* oleh Sulaymān al-Jamzūrī melalui karyanya *Kanz al-Ma'ānī bi Tahrīr al-Ḥirz al-Amānī*.

<sup>6</sup> *Tahrīrāt* oleh Ibrāhīm al-Samannūdī menerusi karya *Dawā'ī al-Musirrah fī al-Awjuh al-'Ashriyyah al-Muḥarrarah min Ṭarīqay al-Shāṭibiyyah wa al-Durrah*.

<sup>7</sup> Al-Dabbā' 'Alī bin Muḥammad, *Sharḥ Iṭḥāf al-Bariyyah bi Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah*, ed. Abū al-Khayr 'Umar bin Mālam (Riyadh: Aḍwā' al-Salaf, 2007), 33.

menjadi rujukan hingga kini adalah *Tahrīrāt* oleh 'Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā' menerusi karyanya *Mukhtaṣar Bulūgh al-Umniyyah*.

Jika diteliti secara khusus kepada *Tahrīrāt* al-Ḍabbā', terdapat beberapa kaedah bacaan pada kalimah tertentu khususnya bahagian *uṣūl* mempunyai perbezaan dengan *Matn al-Shāṭibiyyah* dari sudut penambahan dan pengurangan kaedah bacaan. Umpamanya, terdapat beberapa kalimah dalam *al-Hīrz*, bacaannya hanya mempunyai satu pilihan bacaan, tetapi ditambah oleh *Tahrīrāt* al-Ḍabbā' menjadi dua pilihan bacaan.<sup>8</sup> Terdapat juga kalimah yang al-Shāṭibī meriwayatkan sesuatu bacaan, tetapi *Tahrīrāt* al-Ḍabbā' memilih untuk membatalkan bacaan tersebut.<sup>9</sup>

Menerusi permasalahan ini, wujudnya signifikan untuk membincangkan dua persoalan, iaitu:

1. Apakah faktor yang menyebabkan perbezaan tersebut berlaku. Faktor-faktor yang difokuskan adalah berhubungkait dengan status kedudukan kalimah-kalimah tersebut dalam *Matn al-Shāṭibiyyah* dan kitab asalnya iaitu *al-Taysīr* karya Abū 'Amr al-Dānī. Sama ada statusnya jelas berpaksikan kepada *ṭarīq* periwayatan kedua-dua karya tersebut atau sebaliknya. Hal ini penting untuk dibincangkan kerana berkait rapat dengan persoalan kesahihan periwayatan dan bersambung sanad sesuatu kaedah bacaan yang merupakan elemen penting dalam Ilmu *Qirā'āt* seperti mana disebut oleh Thābet Aḥmad Abū al-Hāj: Sanad memainkan peranan penting dalam menjaga syariat daripada penyelewengan, pertambahan dan pengurangan. Melaluinya juga dapat dikenalpasti kesahihan ḥadīth dan kelemahannya.<sup>10</sup>

2. Bagaimanakah pendekatan *Tahrīrāt* al-Ḍabbā' dalam memilih kaedah bacaan yang berbeza tersebut. Pendekatan yang dimaksudkan adalah kaedah yang dipraktikkan bagi menjustifikasikan penambahan atau pengurangan kaedah bacaan kalimah-kalimah tersebut, sama ada beliau berpendekatan berpegang kepada tiga sumber utama iaitu *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan karya-karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah* pada keseluruhan

---

<sup>8</sup> Ḥāb Fikrī, *Taqrīb al-Ṭayyibah*, 542.

<sup>9</sup> Ḥāb Fikrī, *Taqrīb al-Ṭayyibah*, 542.

<sup>10</sup> Thābet Aḥmad Abū al-Hāj, "Al-Ijāzāt wa al-Asānīd wa Dawruhā fi Dabṭ al-Qirā'āt wa Itqāniḥā wa Ḥifz al-Qur'ān al-Karīm," *Jurnal Usuluddin* 46 (2):2018, 217.

perbahasan atau sebahagiannya dan sama ada secara konsisten atau sebaliknya.

Persoalan-persoalan yang diketengahkan ini penting untuk dikaji bagi memastikan kesahihan kaedah bacaan dalam *Tahrīrāt al-Dabbā'* khususnya dan *tahrīrāt-tahrīrāt Matn al-Shāṭibiyyah* yang lain umumnya. Ia juga penting bagi menilai sejauh mana perbezaan-perbezaan tersebut mempunyai sandaran dan mempunyai hubungkait dengan fakta-fakta yang terdapat dalam sumber-sumber berautoriti seperti *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan karya-karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*. Kepentingan-kepentingan yang ditonjolkan ini boleh memberi impak dalam menjustifikasikan perselisihan ulama' berkaitan keperluan pengamalan *tahrīrāt* dalam *qirā'āt*.

### Metodologi Kajian

Penulisan ini sepenuhnya menggunakan metode kajian perpustakaan yang merangkumi metode pengumpulan dan analisis data. *Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* yang dipilih untuk dikaji adalah *Tahrīrāt al-Dabbā'* iaitu menerusi karyanya *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*. Pemilihan ini berasaskan kepada kemasyhurannya yang dapat ditanggapi menerusi tiga aspek. Pertama, dirujuk secara meluas oleh karya-karya *Qirā'āt* kontemporari.<sup>11</sup> Kedua, digunakan sebagai rujukan dalam kalangan pensyarah dan pelajar di institusi-institusi *qirā'āt* khususnya di Mesir yang dianggap sebagai tapak perkembangan Ilmu *Qirā'āt*.<sup>12</sup> Ketiga, karya tersebut telah beberapa kali diulang cetak semenjak zaman pengarangnya hingga kini.<sup>13</sup>

Penulis terlebih dahulu mengumpulkan semua kalimah pada bahagian *uṣūl* dalam *Tahrīrāt al-Dabbā'* yang mempunyai

<sup>11</sup> Antaranya karya *al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah* oleh 'Abd al-Fattāḥ al-Qādī. Lihat 'Abd al-Fattāḥ al-Qādī, *al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah*, cet. ke-6 (Kaherah: Dār al-Salām, 2009), 83.

<sup>12</sup> Fakta ini Berasaskan kepada pengalaman dan tinjauan penulis sendiri ketika mengikuti pengajian Ilmu *Qirā'āt* di Mesir dan temubual bersama Pensyarah al-Qur'an dan al-*Qirā'āt* di Ma'hād al-*Qirā'āt* Al-Azhar, Shoubra iaitu Shaykh Muḥammad 'Abd al-Nabī serta beberapa orang pensyarah kanan di Kuliah al-*Qirā'āt* wa 'Ulūmiha, Universiti al-Azhar, Tanta.

<sup>13</sup> Dicitak di Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih (1954), Maṭba'ah al-'Arabiyah li Maḥmūd 'Alī Ṣubayḥ wa Awlādih (tanpa tarikh), Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah (1999), Dār al-Ṣaḥābah (2004), Dār Aḍwā' al-Salaf (2007).

percanggahan kaedah bacaan dengan *Matn al-Shāṭibiyyah*. Kalimah-kalimah tersebut akan dinyatakan bab perbincangannya, surah dan ayat, kaedah bacaan, *rāwī* dan *imām* yang terlibat dan aspek yang membezakannya dengan *Matn al-Shāṭibiyyah*.

Fasa seterusnya adalah meneliti faktor pemilihan kaedah bacaan dan pendekatan yang dipraktikkan terhadap kalimah-kalimah tersebut. Bagi menghasilkan dapatan kajian, perbincangan dari sudut periwayatan dan *turuq* setiap kalimah akan dilakukan terlebih dahulu berasaskan kepada rujukan fakta-fakta yang dikumpulkan daripada tiga bentuk sumber yang muktabar, iaitu:

1. Karya *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'* oleh Abū 'Amr al-Dānī (444H)<sup>14</sup>. Merupakan karya yang dirujuk oleh al-Shāṭibī sebagai asas dalam penyusunan *Matn al-Shāṭibiyyah* dari sudut *Imām*, *rāwī*, *tarīq* dan kaedah bacaan.<sup>15</sup>
2. Karya *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr* oleh Ibn al-Jazarī (833H). Karya yang menghimpunkan dan menyaring bacaan Imam Qirā'āt Sepuluh daripada 58 buah karya Qirā'āt kurun ke-4 hingga ke-7 Hijrah termasuk *Matn al-Shāṭibiyyah*.<sup>16</sup>
3. Empat karya utama syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah* yang merupakan antara syarahan terawal selepas kemunculan *Matn al-Shāṭibiyyah*,<sup>17</sup> iaitu:
  - i. *Ibrāz al-Ma'ānī min Ḥirz al-Amānī* oleh Abū Shāmah 'Abd al-Rahmān bin Ismā'il al-Maqdisī (599-655H).
  - ii. *Al-La'ālī' al-Farīdah fī Sharḥ al-Qaṣīdah* oleh Muḥammad bin al-Ḥasan al-Fāsi (656H).
  - iii. *Kanz al-Ma'ānī fī Sharḥ Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī* oleh Ibrāhīm bin 'Umar al-Ja'barī (640-732H).
  - iv. *Al-'Iqd al-Naḍīd fī Sharḥ al-Qaṣīd* oleh Aḥmad bin Yūsuf al-Samīn al-Ḥalabī (756H).

---

<sup>14</sup> 'Uthmān bin Sa'īd bin 'Uthmān bin Sa'īd bin 'Umar al-Dānī. Lahir pada tahun 371H dan wafat pada hari Isnin pertengahan Shawwāl tahun 444H. Lihat: Al-Jazarī, *Ghāyah al-Nihāyah*, 2:739.

<sup>15</sup> Al-Ja'barī, *Kanz al-Ma'ānī*, 45. Al-Qāsim bin Firruḥ al-Shāṭibī, *Hirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*, ed. Muḥammad Tamīmī al-Zu'bī (Kaherah: Maktabah al-Mawrid, 2011) 6.

<sup>16</sup> Al-Jazarī Muḥammad bin Muḥammad, *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2002) 1:83.

<sup>17</sup> Pemilihan empat karya terawal ini penting bagi memastikan maksud al-Shāṭibī pada kaedah bacaan setiap kalimah yang dibincangkan dapat difahami dengan betul dan asli.

Justifikasi pemilihan ketiga-tiga bentuk sumber ini sebagai rujukan bagi menghasilkan dapatan kajian adalah kerana ketiga-tiganya dianggap muktabar dalam Ilmu Qira'at dan mempunyai hubungan rapat dengan *Matn al-Shāṭibiyyah* serta menjadi asas sandaran bagi mana-mana karya *Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah*. Selain itu, turut dipaparkan data-data daripada sumber lain sebagai penguat sumber utama iaitu daripada karya-karya *Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* seperti *al-Faṭḥ al-Raḥmānī* oleh al-Jamzūrī, dan syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah* kontemporari seperti *al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah* oleh 'Abd al-Fattāh al-Qādī dan *Taqrīb al-Shāṭibiyyah* oleh Īhāb Fikrī.

Daripada perbincangan ini, penulis akan mengamati dan menyimpulkan faktor yang mempengaruhi *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* dan pendekatan yang digunakan olehnya dalam memilih kaedah bacaan yang dipraktikkan dalam *tahrīrāt*nya.

### **Pengenalan *Tahrīrāt al-Ḍabbā'***

*Tahrīrāt* oleh al-Sheikh Nūr al-Dīn<sup>18</sup> 'Alī bin Muḥammad bin al-Ḥasan<sup>19</sup> bin Ibrāhīm bin 'Abd Allāh al-Ḍabbā'<sup>20</sup> menerusi karyanya *Mukhtaṣar Bulūgh al-Umniyyah 'alā Nazm Ithāf al-Bariyyah bi Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* yang merupakan antara karya rujukan utama dalam *tahrīrāt* bacaan Qira'at Tujuh *ṭarīq al-Shāṭibiyyah*. Beliau lahir di Ḥayy al-Qal'ah, Kaherah pada tahun 1307H bersamaan 10 November 1886M dan meninggal dunia pada 2 Januari 1961M bersamaan bulan Sha'bān 1380H ketika

---

<sup>18</sup> 'Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā', *Ithāf al-Bararah bi al-Mutūn al-'Asharah*, ed. Muḥammad al-Dusūqī (Kaherah: Dār al-Salām, 2010), 6. Lihat juga 'Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā', *Sharḥ Ithāf al-Bariyyah bi Tahrīrāt al-Shāṭibiyyah*, ed. Abū al-Khayr 'Umar bin Mālam (Riyadh: Aḍwā' al-Salaf, 2007), 75.

<sup>19</sup> Nama al-Ḥasan disebut oleh al-Barmāwī sebagai Ḥusayn manakala 'Abd al-Fattāh al-Mirṣafī menyebutnya sebagai Ḥasan tanpa *alif* dan *lām*. Lihat Al-Barmāwī Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn, *Imtā' al-Fuḍalā' bi Tarājim al-Qurrā'*, cet. ke-2 (Madinah: Maktabah Dār al-Zamān, 2007), 3: 331. Lihat juga 'Abd al-Fattāh bin Sayyid 'Ajmī al-Mirṣafī, *Hidāyah al-Qārī ilā Tajwīd Kalām al-Bārī*, cet. ke-2 (Madīnah: Maktabah al-Ṭayyibah, t.t.), 2: 680. Lihat juga Fu'ād Ṭala'at Ashrāf Muḥammad, *Al-'Allāmah 'Alī Muḥammad al-Ḍabbā': Juhūduh wa Mu'allafātuh fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Isma'iliyyah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2006), 13.

<sup>20</sup> Al-Mirṣafī, *Hidāyah al-Qārī*, 2: 680.

berumur 75 tahun.<sup>21</sup> Al-Ḍabbā‘ diktiraf sebagai ilmuan besar dalam lapangan Ilmu al-Qur’an dan Qira’at.<sup>22</sup>

Penelitian *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* terhadap *Matn al-Shāṭibiyah* menjurus kepada beberapa aspek iaitu *tahrīrāt* (penelitian) kaedah bacaan yang berbentuk penjelasan kaedah bacaan dalam pelbagai bentuk seperti penjelasan kaedah bacaan yang boleh dibaca pada sesuatu kalimah apabila diwaṣal, diwaqafkan atau diibtidā’kan. Selain itu, *tahrīrāt* terhadap kaedah bacaan yang lemah atau ditegah. Begitu juga, *tahrīrāt* berbentuk tegahan daripada membaca kalimah-kalimah tertentu sama ada secara mutlak ataupun tegahan yang tertentu dari sudut perincian jenis-jenis kaedah bacaannya.<sup>23</sup>

Seterusnya, *tahrīrāt* susunan bacaan yang melibatkan aspek susunan kaedah bacaan bagi ayat-ayat tertentu yang mengandungi kalimah-kalimah khilaf apabila dibaca secara bersambung. Terdapat juga *tahrīrāt* penambahan dan pengurangan kaedah bacaan. Dengan kata lain kaedah bacaan terhadap sesuatu kalimah ditambah atau dibuang dan diabaikan walaupun dinyatakan secara jelas kaedah bacaannya oleh al-Shāṭibī di dalam *Matn al-Shāṭibiyah*. Terakhir ialah *tahrīrāt* makna *bayt* yang bertujuan memperincikan maksud *bayt-bayt* tertentu yang mengandungi kesamaran dari sudut makna dan aspek-aspek yang lain.<sup>24</sup>

Aspek-aspek ini bertunjangan kepada aspek asas praktikal *tahrīrāt* yang diaplikasikan dalam mana-mana karya *tahrīrāt* sebagaimana digariskan oleh para sarjana seperti ‘Abd al-Rāziq Mūsā dan Ayman Baqlah iaitu penjelasan makna *bayt*, penyusunan *туруq* dan kaedah bacaan serta penyaringan kaedah bacaan lemah dan ditegah.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> Fu’ād Ṭala’at, *Al-‘Allāmah ‘Alī*, 21.

<sup>22</sup> Al-Marṣafī, *Hidāyah al-Qārī*, 2:680.

<sup>23</sup> Wan Muhammad Hafizuddin, “Bentuk-Bentuk Praktikal *Tahrīrāt al-Qirā’āt* dalam *Tahrīrat Matn al-Shāṭibiyah: Kajian Terhadap Karya Mukhtaṣar Bulūgh Al-Umniyyah* oleh al-Ḍabbā’”, *Jurnal Darul Quran*, bil. 20 (2016), p. 76-88.

<sup>24</sup> Hafizuddin, “Bentuk-Bentuk Praktikal *Tahrīrāt al-Qirā’āt* dalam *Tahrīrat Matn al-Shāṭibiyah*, 76-88

<sup>25</sup> ‘Abd al-Rāziq Mūsā, *Tadrīb al-Ṭalabah*, 26-27. Lihat juga Ayman Baqlah, *Tashīl ‘Ilm al-Qirā’āt* ( t.tp.: t.p., 2009), 263-265.



**Perbezaan Kaedah Bacaan *Tahrīrat Al-Ḍabbā‘* dan *Matn Al-Shāṭibiyyah***

Perbezaan kaedah bacaan antara *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* menerusi karyanya *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah* dan *Matn al-Shāṭibiyyah* pada bahagian *uṣūl* melibatkan 5 bab dengan 9 perbahasan yang merangkumi 11 kalimah. Perinciannya adalah sebagaimana jadual berikut:

Jadual 1: Perbezaan Kaedah bacaan *Matn al-Shāṭibiyyah* dan *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘*

Bil	Bab	Kalimah	Imam atau Rawi	Kaedah Bacaan ( <i>al-Hirz</i> )	Kaedah Bacaan ( <i>Tahrīrāt al-Ḍabbā‘</i> )
1	<i>Bāb Hā’ al-Kināyah</i>	يَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ <sup>26</sup>	Hishām	<i>qaṣr</i> dan <sup>27</sup> <i>ishbā</i> <sup>28</sup>	<i>ishbā</i> <sup>29</sup>
2	<i>Bāb Hamdh al-Mufrad</i>	بَارِئِكُمْ <sup>30</sup>	al-Sūsī	<i>sukūn hamzah</i> + <sup>31</sup> <i>ibdāl yā</i> <sup>32</sup>	<i>sukūn hamzah</i> <sup>33</sup>
3	<i>Bāb al-Idghām al-Ṣaghīr</i>	وَجِبَتْ جُنُوبَهَا <sup>34</sup>	Ibn Dzakwān	<i>izhār</i> dan <i>idghām</i> <sup>35</sup>	<i>izhār</i> <sup>36</sup>

<sup>26</sup> Tāhā 20:75.

<sup>27</sup> Perkataan (dan) yang diletakkan di antara dua kaedah bacaan adalah sebagai isyarat bahawa kedua-duanya adalah pilihan dan perlu dibaca secara berasingan.

<sup>28</sup> Bāb Hā’ al-Kināyah, no. Matan 162 dan 163. Lihat al-Qāsim bin Firruḥ al-Shāṭibī, *Hirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*, ed. Muḥammad Tamīmī al-Zu’bī (Kaḥerah: Maktabah al-Mawrid, 2011), 14.

<sup>29</sup> Alī bin Muḥammad al-Ḍabbā‘, ‘ (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2004), 8.

<sup>30</sup> Al-Baqarah 2:54

<sup>31</sup> Simbol (+) yang diletakkan di antara dua kaedah bacaan adalah sebagai isyarat bahawa kedua-duanya perlu disekalikan bacaan dalam satu sebutan.

<sup>32</sup> Bāb Hamz al-Mufrad, no. Matan 221. Lihat al-Shāṭibī, *Hirz al-Amānī*, 18.

<sup>33</sup> Al-Ḍabbā‘, *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*, 24.

<sup>34</sup> Al-Hajj 22:36

<sup>35</sup> Bāb al-Izhār wa al-Idghām, no. ḥadīth: 269. Lihat Al-Shāṭibī, *Hirz al-Amānī*, 22.

<sup>36</sup> Al-Ḍabbā‘, *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*, 28.

4	<i>Bāb al-Imālah</i>	<sup>37</sup> يُورِي	al-Dūrī	<i>imālah</i> dan <i>fath</i> <sup>39</sup>	<i>fath</i> <sup>40</sup>
		<sup>38</sup> فَأُورِي	al-Kisā'ī		
		كَهَيْعَصَ	Qālūn	Nāfi' membaca dengan <i>taqlīl</i> <sup>41</sup>	<i>fath</i> <sup>42</sup>
		<sup>43</sup> وَتَنَا	al-Sūsī	<i>fath</i> dan <i>imālah</i> . <sup>44</sup>	<i>fath</i> <sup>45</sup>
		<sup>46</sup> رَاءِ	al-Sūsī	<i>fath</i> dan <i>imālah rā'</i> . <sup>47</sup>	<i>fath</i> ' <sup>48</sup>
5	<i>Bāb Yā' al-Zāidah</i>	<sup>49</sup> أَلَّتَلَّاقِ	Qālūn	<i>ithbāt</i> dan <i>hadzaf yā'</i> . <sup>51</sup>	<i>hadzaf yā'</i> . <sup>52</sup>
		<sup>50</sup> أَلَّتَّنَادِ			
		<sup>53</sup> كِيدُونِ	Hishām	<i>ithbāt</i> dan <i>hadzaf yā'</i> . <sup>54</sup>	<i>ithbāt</i> kan <i>yā'</i> . <sup>55</sup>

<sup>37</sup> Terdapat dua tempat dalam al-Qur'an iaitu pada surah al-Māidah 5:31 dan al-A'rāf 7:26.

<sup>38</sup> Al-Mā'idah 5:31

<sup>39</sup> Bāb al-Faṭḥ wa al-Imālah wa bayn al-Lafẓayn, no. hadith: 329. Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 27.

<sup>40</sup> Al-Ḍabbā', *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*, 34.

<sup>41</sup> Sūrah Yūnus, no. Matan 739 dan 741. Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 58.

<sup>42</sup> Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 58.31.

<sup>43</sup> Terdapat dua tempat dalam al-Qur'an iaitu pada surah al-Isrā' 17:83 dan Fuṣṣilat 41:51.

<sup>44</sup> Bāb al-Faṭḥ wa al-Imālah wa bayn al-Lafẓayn, no. hadith: 312. Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 26.

<sup>45</sup> Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 30.

<sup>46</sup> Terdapat lima tempat dalam al-Qur'an iaitu pada surah al-An'ām 6:77 dan 78, al-Naḥl 16:85 dan 86, al-Aḥzāb 33:22.

<sup>47</sup> Sūrah al-An'ām, no. hadith 648. Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 52.

<sup>48</sup> Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 29.

<sup>49</sup> Ghāfir 40:15

<sup>50</sup> Ghāfir 40:32

<sup>51</sup> Bāb Yā'āt al-Zawā'id, no. Matan 435. Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 35.

<sup>52</sup> Al-Ḍabbā', *Mukhtaṣar Bulūgh al-Ummiyyah*, 39.

<sup>53</sup> Al-A'rāf 7:195

<sup>54</sup> Bāb Yā'āt al-Zawā'id, no. Matan 431. Lihat Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 35.

<sup>55</sup> Al-Shāṭibī, *Ḥīrz al-Amānī*, 35.

## Status Kedudukan *Ṭarīq* Kaedah Bacaan

### 1) *Bāb Hā' al-Kināyah* (يَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ)

Al-Dānī membincangkan lafaz tersebut secara khusus dalam kitabnya *al-Taysīr* dengan menyatakan bahawa Hishām hanya membaca dengan *ishbā'* sahaja. Bacaan tersebut diambil daripada Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad yang berguru dengan 'Abd Allāh bin al-Ḥusayn daripada Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abdan berasaskan *Ṭarīq* al-Ḥulwānī.<sup>56</sup> Namun, sebaliknya pula beliau menyatakan dalam kitab yang lain iaitu *Jāmi' al-Bayān*, bacaan *qaṣr* diambil daripada Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad juga berasaskan *ṭarīq* yang sama.<sup>57</sup>

Ibn al-Jazarī menyatakan bahawa *Ṭarīq* al-Ḥulwānī daripada Hishām dibaca dengan dua pilihan iaitu *ishbā'* dan *qaṣr* untuk keseluruhan kalimah yang dibincangkan tanpa beliau mengkhususkan bacaan Hishām pada Sūrah Ṭāhā. Beliau mengukuhkan wajah *qaṣr* yang disebut oleh al-Shāṭibī sambil menegaskan bahawa kedua-duanya adalah sah dan boleh diamalkan kerana masih berada di atas landasan *ṭarīq* yang telah dipilih oleh al-Shāṭibī.<sup>58</sup>

Al-Ja'barī berpendapat bahawa bacaan *qaṣr* adalah merupakan *ziyādāt al-Ḥirz* ke atas *al-Taysīr*.<sup>59</sup> Pendapat ini juga disokong dan disepakati oleh Ibn Shurayḥ dalam kitabnya *al-Kāfi fī al-Qirā'āt al-Sab'*<sup>60</sup> dan al-Qaysī dalam *al-Tabṣīrah fī al-Qirā'āt al-Sab'*.<sup>61</sup>

Abū Shāmah pula berpendapat sebaliknya, apabila menyatakan Hishām hanya membaca dengan *ishbā'* khusus pada

<sup>56</sup> Abū 'Amr 'Uthmān bin Sa'īd al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'* (Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2006), 147.

<sup>57</sup> Al-Dānī Abū 'Amr 'Uthmān bin Sa'īd, *Jāmi' al-Bayān fī al-Qirā'āt al-Sab'* (UAE: Jāmi'ah al-Shāriqah, 2007), 3:1359.

<sup>58</sup> Muḥammad bin Muḥammad al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2002), 1:244.

<sup>59</sup> Al-Ja'barī Ibrāhīm bin 'Umar, *Kanz al-Ma'ānī fī Sharḥ Hirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*, ed. Farghalī Sayyid 'Arabāwī (Giza: Maktabah Awlād al-Shaykh li al-Turāth, 2011), 2:519.

<sup>60</sup> Ibn Shurayḥ Muḥammad al-Andalusī, *al-Kāfi fī al-Qirā'āt al-Sab'*, ed. Aḥmad Maḥmūd 'Abd al-Sam (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 157.

<sup>61</sup> Abu Muḥammad Makkī bin Abī Ṭālib al-Qaysī, *al-Tabṣīrah fī al-Qirā'āt al-Sab'*, ed. Muḥammad Ghawth al-Nadawī (Bombay: al-Dār al-Salafiyyah, 1982), 593.

Sūrah Ṭāhā.<sup>62</sup> Beliau mengikut pendapat gurunya iaitu al-Sakhāwī pengarang kitab *Faṭḥ al-Waṣīd fī Sharḥ al-Qaṣīd*. Ilmuan terkini seperti al-Qāḍī<sup>63</sup> Ḥāb Fikrī<sup>64</sup> cenderung memilih pendapat yang dipegang oleh al-Ḍabbā‘. Adapun al-Fāsī dan al-Samīn al-Ḥalābī menerima kedua-dua bacaan tersebut.

### **Faktor Perbezaan**

Berasaskan data di atas, dapat dilihat bahawa faktor yang membezakan kedua-dua bacaan tersebut adalah dari sudut penyandaran dari dua *ṭarīq* yang berlainan yang menjadi perselisihan dalam kalangan ilmuan. Bacaan *qaṣr* yang dinyatakan oleh al-Shāṭibī dalam *al-Ḥirz* tidak dinyatakan oleh al-Dānī dalam *al-Taysīr*. Walaupun al-Dānī menyatakan kedua-duanya dalam kitabnya yang lain dan disahkan pula oleh Ibn al-Jazarī bahawa bacaan *qaṣr* juga termasuk dalam *Ṭarīq* al-Ḥulwānī, al-Ḍabbā‘ lebih cenderung memilih pendapat Abū Shāmāh dan beberapa ilmuan yang lain. Faktor pemilihan beliau ialah berasaskan kitab *al-Taysīr* yang hanya menyebut bacaan *ishbā‘* dan pendapat Abū Shāmāh yang merupakan murid kepada al-Sakhāwī yang pernah berguru dengan al-Shāṭibī sendiri yang dikuatkan dengan anggapan bahawa wajah-wajah yang diterima daripada al-Sakhāwī berautoriti untuk sandaran yang kuat.

### **Pendekatan Pemilihan**

Berdasarkan perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ terhadap kaedah bacaan *ishbā‘* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Tidak berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Berpegang kepada syarahan *Ibrāz al-Ma‘ānī*.

---

<sup>62</sup> Abū Shāmāh ‘Abd al-Rahmān bin Ismā‘īl, *Ibrāz al-Ma‘ānī min Ḥirz al-Amānī*, ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2008, 1:205).

<sup>63</sup> ‘Abd al-Fattāh Al-Qāḍī, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā‘āt al-‘Ashr*, cet. ke-3 (Kaherah: Dār al-Salām, 2010), 2:575.

<sup>64</sup> Ḥāb Ahmad Fikrī, *Taqrīb al-Shāṭibiyyah*, cet. ke-2 (Kaherah: Maktabah al-Islāmiyyah, 2010), 572.

## 2) Bāb Hamdh al-Mufrad (بَارِيكُمْ)

Lafaz ini disebut oleh al-Dānī di dalam *al-Taysīr* bahawa al-Sūsī membaca dengan mensukūnkan huruf *hamzah* sahaja tanpa mengibdālkannya kepada huruf *yā'* berdasarkan bacaan yang diambil daripada gurunya Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad yang berguru dengan 'Abd Allāh bin al-Ḥusayn berasaskan *Ṭarīq* Mūsā bin Jarīr (310H).<sup>65</sup>

Ibn Ghalbūn dalam karyanya *al-Tadzkirah* menyatakan al-Sūsī mengibdālkan huruf *yā'* kerana baris *sukūn* pada huruf *hamzah* merupakan satu bentuk meringankan bacaan. Apabila ia berbentuk *sukūn* dan sebelumnya berbaris *kasrah* maka sudah semestinya turut diibdālkan dengan huruf *yā'* sebagaimana kalimah-kalimah yang seumpamanya.<sup>66</sup>

Al-Qaysī menyebut di dalam kitabnya *al-Tabṣirah*, bahawa terdapat dua gaya bacaan bagi al-Sūsī, namun beliau lebih cenderung menyatakan bahawa bacaan *ibdāl* adalah kurang sesuai untuk diamalkan kerana *sukūn* pada huruf *hamzah* adalah bukan *sukūn* yang asal.<sup>67</sup>

Ibn al-Jazarī menyokong pendapat al-Qaysī dengan menyatakan bahawa hanya Ibn Ghalbūn yang berpendapat dengan bacaan *ibdāl* tersebut. Beliau menambah bahawa *sukūn 'āriḍ, sukūn jāzim* tidak boleh diibdālkan sambil menegaskan jika lafaz *bāri'ikum* diibdālkan maka ia akan menyerupai asal kalimah *al-bara* yang akan membawa makna yang berlainan daripada makna sebenar ayat.<sup>68</sup> Al-Fāsī pula menambah apabila sesuatu huruf ditukar kepada baris tertentu, maka tidak perlu ditukar kepada bentuk yang lain untuk kali yang kedua.<sup>69</sup> Pendapat ini turut disokong oleh Abū Shāmah.<sup>70</sup> Manakala al-Samīn al-Ḥalabī

<sup>65</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'*, 82.

<sup>66</sup> Ibn Ghalbūn Ṭāhir bin 'Abd al-Mun'im, *al-Tadzkirah fī al-Qirā'āt al-Thamān*, 33.

<sup>67</sup> Al-Qaysī, *al-Tabṣirah fī al-Qirā'āt al-Sab'*, 303.

<sup>68</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, 1:313

<sup>69</sup> Al-Fāsī 'Abd Allāh Muḥammad bin al-Ḥasan, *al-La'ālī' al-Farīdah fī Sharḥ al-Qaṣīdah*, ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf (Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2007), 1:271.

<sup>70</sup> Abū Shāmah, *Ibrāz al-Ma'ānī*, 1:268.

menganggapnya sebagai *ziyādāt* dalam *al-Ḥirz*.<sup>71</sup> Al-Ja‘barī pula menerima kedua-dua bacaan tersebut.

### Faktor Perbezaan

Penulis melihat faktor yang menyebabkan perbezaan bacaan tersebut adalah dari sudut penyandaran dua *ṭarīq* yang berlainan. Wajah *ibdāl* yang dinukilkan oleh al-Shāṭibī tidak berada di atas landasan *ṭarīq* yang dipegangnya iaitu berasaskan kitab *al-Taysīr*. Sedangkan bacaan *ibdāl* tersebut daripada kitab *al-Tadzkirah* oleh Ibn Ghālībūn yang mempunyai *ṭarīq* periwiyatan tersendiri yang berbeza dengan *al-Taysīr*. Al-Ḍabbā‘ lebih cenderung memilih pendapat yang dipegang oleh jumhur seperti al-Qaysī, Ibn al-Jazarī, al-Fāsī, Abū Shamah dan lain-lain.

### Pendekatan Pemilihan

Daripada perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* terhadap kaedah bacaan *sukūn hamzah* tanpa *ibdāl* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Berpegang kepada syarahan *Ibrāz al-Ma‘ānī* dan *al-La‘āli’ al-Farīdah*.

### 3) *Bāb al-Idghām al-Ṣaghīr* (وَجَبَتْ جُنُوبًا)

Al-Dānī menyatakan dalam *al-Taysīr* bahawa Ibn Dzakwān hanya membaca dengan *izhār* berdasarkan bacaan yang diambil daripada gurunya ‘Abd al-‘Azīz bin Ja‘far al-Fārisī yang berguru dengan Muḥammad bin al-Ḥasan al-Naqqāsh berasaskan *Ṭarīq* Hārūn bin Mūsā al-Akhfāsh.<sup>72</sup> Namun, beliau menambah dalam *Jāmi‘ al-Bayān* dengan menyatakan bahawa bacaan *izhār* adalah daripada gurunya Abū al-Ḥasan manakala bacaan *idghām* adalah daripada gurunya Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad.<sup>73</sup>

Sebahagian pendapat menyatakan al-Shāṭibī sendiri telah menyatakan bahawa bacaan *idghām* adalah lemah melalui

---

<sup>71</sup> Al-Samīn al-Ḥalabī, Aḥmad bin Yūsuf. *al-‘Iqd al-Naḍīd fī Sharḥ al-Qaṣīd*. ed. Ayman Rushdī Suwayd (Kaheerah: Maktabah al-Mawrid, 2001), 2:221.

<sup>72</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā‘āt al-Sab‘*, 62.

<sup>73</sup> Al-Dānī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 2:636.

isyaratnya *yuftalā*, manakala sebahagian yang lain meyakini bahawa beliau mensahihkan kedua-dua bacaan tersebut.<sup>74</sup>

Ibn al-Jazarī pula menyatakan bahawa beliau tidak mendapati akan kewujudan bacaan *izhār* dan *idghām* bagi Ibn Dzakwān yang boleh disandarkan kepada landasan *ṭarīq* yang dipilih oleh al-Shāṭibī secara keseluruhannya. Beliau juga berpendapat bacaan *idghām* yang diambil oleh al-Dānī daripada Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad adalah daripada Hishām dengan menegaskan bahawa Abū al-Faṭḥ sendiri menyebut dalam kitabnya bahawa bacaan *idghām* adalah daripada Hishām manakala *izhār* daripada Ibn Dzakwān.<sup>75</sup>

Abū Shamah turut menyokong dengan menyatakan bahawa Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad sendiri menyebut di dalam kitabnya bahawa bacaan *idghām* adalah daripada Hishām sambil menegaskan terlebih utama untuk Ibn Dzakwān dibaca dengan *izhār* pada lafaz tersebut.<sup>76</sup>

Tokoh terkini seperti al-Qāḍī<sup>77</sup> dan Īhāb Fikrī turut cenderung kepada pendapat Ibn al-Jazarī. Īhāb Fikrī sendiri menambah bahawa bacaan *idghām* tidak diamalkan oleh kebanyakan ilmuan selepas zaman Ibn al-Jazarī sehingga kini.<sup>78</sup> Adapun al-Fāsī, al-Ja‘barī dan al-Samīn al-Ḥalabī menerima kedua-dua bacaan.

### Faktor Perbezaan

Penulis melihat faktor yang membawa kepada perbezaan ini adalah, al-Shāṭibī telah menukulkan bacaan *idghām* untuk Ibn Dzakwān. Sedangkan bacaan tersebut terkeluar daripada landasan *ṭarīq* penyusunan karya *al-Taysīr* kerana al-Dānī tidak menyebut dalam kitabnya tersebut. Fakta ini turut diakui oleh Ibn al-Jazarī, Abū Shāmah dan lain-lain. Al-Ḍabbā‘ memilih untuk menolak secara mutlak bacaan *idghām* dengan alasan terkeluar daripada landasan *ṭarīq* pengarang dan disokong pula oleh kenyataan al-Shāṭibī sendiri yang mengisyaratkan dengan lafaz *yuftalā* yang membawa maksud bacaan *idghām* dianggap lemah.

---

<sup>74</sup> Īhāb Fikrī, *Taqrīb al-Shāṭibiyyah*, 574.

<sup>75</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*, 2:8

<sup>76</sup> Abū Shāmah, *Ibrāz al-Ma‘ānī*, 1:325.

<sup>77</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfi*, 109.

<sup>78</sup> Īhāb Fikrī, *Taqrīb al-Shāṭibiyyah*, 101.

### Pendekatan Pemilihan

Menerusi perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* terhadap kaedah bacaan *izhār* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Berpegang kepada syarahan *Ibrāz al-Ma'ānī*.

#### 4) *Bāb al-Imālah* (فَأُورِي) dan (يُورِي)

Perbincangan melibatkan empat perbincangan iaitu:

a) Lafaz *yuwārī* dan *fa-uwāriya*. Al-Dānī menyebut kedua-dua bacaan iaitu *fath* dan *imālah* untuk al-Dūr al-Kisā'ī. Bacaan *fath* diambil daripada Abū al-Fath Fāris bin Aḥmad yang mengambil bacaan daripada 'Abd al-Bāqī bin al-Ḥasan berasaskan *Tarīq* Ja'far bin Muḥammad al-Nuṣaybī (307H) dan Ibn Mujāhid. Bacaan *imālah* pula diriwayatkan daripada Naṣr bin 'Abd al-'Azīz al-Fārisī daripada Abū Tāhir daripada *Tarīq* Sa'īd bin 'Abd al-Raḥīm al-Ḍarīr (310H).<sup>79</sup>

Ibn al-Jazarī berpendapat bacaan *imālah* adalah berbeza daripada landasan *tarīq* yang dipilih oleh al-Shāṭibī mahupun *al-Taysīr*. Hal ini kerana, *tarīq* yang dipilih dalam *al-Taysīr* adalah daripada *Tarīq* al-Nuṣaybī, sedangkan bacaan *imālah* adalah daripada *Tarīq* al-Ḍarīr. Jika *Tarīq* al-Ḍarīr termasuk dalam *al-Taysīr* sudah pasti al-Dānī akan menyebutnya dalam rantaian sanad pada permulaan kitab dan memasukkan gaya bacaan yang berkaitan dengan *tarīq* tersebut. Ibn al-Jazarī menambah, al-Dānī berseorangan dalam meriwayatkan bacaan tersebut dengan mengkhususkan Sūrah al-Māidah dan menegaskan bahawa al-Dānī membawakan bacaan *imālah* semata-mata atas jalan *ḥikāyah* sahaja.<sup>80</sup>

Al-Ja'barī pula berpendapat bacaan *imālah* terkeluar daripada landasan *tarīq* yang sebenar serta merupakan *ziyādāt al-Taysīr* sahaja dan diikuti nukilannya oleh al-Shāṭibī.<sup>81</sup> Fakta ini turut disokong oleh beberapa ilmuan seperti al-Qāḍī<sup>82</sup>, al-Jamzūrī<sup>83</sup> dan

<sup>79</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'*, 67.

<sup>80</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, 2:33.

<sup>81</sup> Al-Ja'barī, *Kanz al-Ma'ānī*, 2:861.

<sup>82</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfī fī Sharḥ al-Shāṭibiyah*, 127.



al-Şafāqisī<sup>84</sup>. Manakala al-Fāsī<sup>85</sup> dan Abū Shamah<sup>86</sup> tidak mentarjihkan mana-mana bacaan.

### Faktor Perbezaan

Faktor yang membezakan kedua-duanya adalah dari sudut kesahihan penyandaran dari dua *ṭarīq* yang berlainan. Walaupun al-Dānī menyebut secara jelas kedua-dua bacaan tersebut, namun Ibn al-Jazarī menjelaskan bahawa hanya bacaan *fath* daripada *Ṭarīq* al-Nuṣaybī, manakala bacaan *imālah* adalah daripada *Ṭarīq* al-Ḍarīr. Sedangkan *Ṭarīq* al-Nuṣaybī merupakan *ṭarīq* yang dipilih oleh al-Dānī dan al-Shātibī dalam penyusunan karya mereka. Oleh sebab itu, al-Ḍabbā‘ menolak bacaan *imālah* kerana terkeluar daripada landasan *ṭarīq al-Taysīr* sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn al-Jazarī.

### Pendekatan Pemilihan

Daripada perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ terhadap kaedah bacaan *fath* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Tidak Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Tidak berpegang kepada mana-mana syarahan *Matn al-Shātibiyah*.

b) Lafaz *kāf-hā-yā-‘ayn-sād*. Al-Dānī menyebut bahawa bacaan *taqlīl* daripada Qālūn tetapi secara penceritaan yang kurang pasti dan jelas sama ada termasuk di dalam *ṭarīqnya* atau sebaliknya. Berdasarkan rantaian sanad yang disebutkan pada permulaan kitab, boleh diandaikan bahawa bacaan tersebut diambil daripada gurunya Abū al-Fath Fāris bin Aḥmad daripada ‘Abd al-Bāqī bin al-Ḥasan berasaskan *Ṭarīq* Abū Nashīṭ.<sup>87</sup>

<sup>83</sup> Al-Jamzūrī Sulaymān bin Ḥusayn, *al-Fath al-Raḥmānī Sharḥ Kanz al-Ma‘ānī bi Tahrīr Ḥirz al-Amānī*, ed. ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm (Tanta: Dār al-Şahābah, 2006), 88.

<sup>84</sup> Al-Şafāqisī ‘Alī al-Nurī, *Ghayth al-Naf‘ fī al-Qirā‘āt al-Sab‘* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 93.

<sup>85</sup> Al-Fāsī, *al-La‘ālī al-Farīdah*, 1:444.

<sup>86</sup> Abū Şāmah, *Ibrāz al-Ma‘ānī*, 1:388.

<sup>87</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā‘āt al-Sab‘*, 143.

Ibn al-Jazarī pula menyatakan bacaan *taqlīl* terkeluar daripada landasan *ṭarīq al-Taysīr*. Hal ini kerana, bacaan tersebut diambil daripada gurunya Abū al-Ḥasan dan Abū al-Faṭḥ daripada ‘Abd Allāh bin al-Ḥusayn berasaskan *Ṭarīq al-Ḥulwānī*. Manakala bacaan *fath* diambil daripada gurunya Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad daripada ‘Abd al-Bāqī bin al-Ḥasan berasaskan *Ṭarīq Abū Nashīṭ* iaitu *ṭarīq* yang sebenar dalam penyusunan karya *al-Taysīr*.<sup>88</sup> Fakta ini turut disokong oleh al-Ṣafāqīsī<sup>89</sup> dan al-Qāḍī<sup>90</sup> serta beberapa penulis karya syarahan *al-Ḥirz* seperti al-Ja‘barī<sup>91</sup>, Abū Shāmah<sup>92</sup> dan al-Fāsī<sup>93</sup>. Manakala al-Samīn al-Ḥalabī menerima kedua-dua bacaan.

### Faktor Perbezaan

Faktor yang membezakan bacaan *fath* dan *taqlīl* adalah dari sudut penyandaran dua *ṭarīq* yang berlainan. Walaupun al-Dānī meriwayatkan bacaan *taqlīl* bagi Qālūn dalam *al-Taysīr* berasaskan *Ṭarīq Abū Nashīṭ*, Ibn al-Jazarī tampil menjelaskan bahawa bacaan *taqlīl* adalah daripada *Ṭarīq al-Ḥulwānī*. Umum mengetahui *ṭarīq* yang dipilih dalam *al-Taysīr* bagi Qālūn yang diikuti oleh al-Shāṭibī adalah *Ṭarīq Abū Nashīṭ*. Oleh sebab itu, al-Ḍabbā‘ menetapkan bacaan sebenar untuk Qālūn bagi *ṭarīq al-Taysīr* adalah *fath* sahaja.

### Pendekatan Pemilihan

Menerusi perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* terhadap kaedah bacaan *fath* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Tidak Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Berpegang kepada syarahan *Ibrāz al-Ma‘ānī*, *Kanz al-Ma‘ānī*, *al-La‘āli’ al-Farīdah*.

---

<sup>88</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā‘āt al-‘Ashr*, 2:54.

<sup>89</sup> Al-Ṣafāqīsī, *Ghayth al-Naf’*, 178.

<sup>90</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfī fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah*, 234.

<sup>91</sup> Al-Ja‘barī, *Kanz al-Ma‘ānī*, 4:1698.

<sup>92</sup> Abū Shāmah, *Ibrāz al-Ma‘ānī*, 2:761.

<sup>93</sup> Al-Fāsī, *al-La‘āli’ al-Farīdah*, 2:959.

c) Lafaz *wa-na'ā*. Al-Dānī menyebut kedua-dua gaya bacaan bagi al-Sūsī iaitu *fath* dan *imālah* pada huruf *hamzah*. Namun, bacaan *imālah* disebut secara penceritaan yang kurang pasti dan jelas sama ada termasuk dalam *ṭarīq al-Taysīr* atau sebaliknya. Bacaan *fath* jelas termasuk dalam *ṭarīq al-Taysīr* kerana beliau mengambil daripada Abū al-Fath Fāris bin Aḥmad yang mengambil daripada ‘Abd Allāh bin al-Ḥusayn berasaskan *Ṭarīq Mūsā bin Jarīr* (310H).<sup>94</sup>

Ibn al-Jazarī menyatakan, Abū al-Fath Fāris bin Aḥmad iaitu guru kepada al-Dānī berseorangan dalam meriwayatkan bacaan tersebut dan dinukilkan oleh al-Dānī dan al-Shāṭibī. Sedangkan bersepakat semua *ṭuruq* daripada al-Sūsī bahawa lafaz tersebut dibaca dengan *fath* sahaja. Oleh sebab itu, al-Dānī langsung tidak menyebut bacaan lain dalam kitabnya sama ada dalam *al-Mufradāt* mahupun *Jāmi‘ al-Bayān*.<sup>95</sup>

Al-Ṣafaqīsī menguatkan pendapat Ibn al-Jazarī dengan menyatakan bahawa setiap periwayatan yang berseorangan tidak boleh diamalkan kerana ketidakmutawātirannya. Beliau menambah bacaan yang disebut oleh al-Dānī hanya bersifat *ḥikāyah* dan bukannya *riwāyah* atau *tilāwah*. Al-Dānī juga tidak menggunakan lafaz *jazam* tetapi memilih menggunakan lafaz ‘*ruwiya*’ yang menunjukkan *sighah tamrīd*.<sup>96</sup>

Para ilmuan lain seperti al-Qāḍī<sup>97</sup> dan al-Jamzūrī<sup>98</sup> turut menyokong pernyataan Ibn al-Jazarī dan al-Safaqīsī yang juga merupakan pendapat Abū Shāmah<sup>99</sup>. Namun, terdapat juga kalangan yang tidak mentarjīhkan mana-mana bacaan seperti al-Fāsī<sup>100</sup> dan al-Ja‘barī<sup>101</sup>. Adapun al-Samīn al-Ḥalabī menerima kedua-dua bacaan.

### Faktor Perbezaan

Faktor yang membezakan antara bacaan *fath* dan *imālah* yang diriwayatkan oleh al-Dānī dan diikuti oleh al-Shāṭibī adalah dari

<sup>94</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā‘āt al-Sab‘*, 137.

<sup>95</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā‘āt al-‘Ashr*, 2:36.

<sup>96</sup> Al-Ṣafaqīsī, *Ghayth al-Naf‘*, 170.

<sup>97</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāṭibīyyah*, 112.

<sup>98</sup> Al-Jamzūrī, *al-Fath al-Raḥmānī*, 84.

<sup>99</sup> Abū Shāmah, *Ibrāz al-Ma‘ānī*, 1:367.

<sup>100</sup> Al-Fāsī, *al-La‘ālī‘ al-Farīdah*, 1:416.

<sup>101</sup> Al-Ja‘barī, *Kanz al-Ma‘ānī*, 2:829.

sudut kesahihan periwayatannya. Bacaan *fath* telah dipastikan kesahihannya berasaskan *ṭarīq* yang dipilih oleh al-Dānī. Namun, bacaan *imālah* diriwayatkan oleh al-Dānī secara tidak jelas *ṭarīq*nya sama ada melalui *riwāyah* atau *tilāwah*. Jikalau pun jelas bahawa ia adalah secara *tilāwah* daripada gurunya Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad, beliau hanya berseorangan dalam meriwayatkan bacaan sebegini menurut Ibn al-Jazarī. Oleh sebab itu, al-Ḍabbā‘ menolak bacaan *imālah* kerana berseorangan dalam meriwayatkan sesuatu bacaan tidak menunjukkan kekuatan bacaan tersebut.

### **Pendekatan Pemilihan**

Menerusi perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* terhadap kaedah bacaan *fath* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Tidak Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Berpegang kepada syarahan *Ibrāz al-Ma‘ānī*.

d) Lafaz *ra‘ā*. Al-Dānī menyebut kedua-dua bacaan bagi al-Sūsī iaitu *fath* dan *imālah* pada huruf *rā‘*. Namun, bacaan *imālah* disebut dengan lafaz ‘*ruwiya*’ secara penceritaan yang kurang pasti dan jelas sama ada termasuk di dalam *ṭarīq*nya atau sebaliknya. Bacaan *fath* jelas termasuk dalam *ṭarīq*nya kerana beliau mengambil daripada Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad yang mengambil daripada ‘Abd Allāh bin al-Ḥusayn berasaskan *Ṭarīq Mūsā bin Jarīr*.<sup>102</sup>

Ibn al-Jazarī menyatakan al-Shāṭibī berseorangan dalam meriwayatkan bacaan *imālah* tersebut yang berbeza dengan sebahagian besar ilmuan lain yang langsung tidak menyebut bacaan tersebut berasaskan *Ṭarīq Mūsā bin Jarīr* di dalam kitab-kitab mereka. Beliau menambah, bacaan *imālah* tidak termasuk sama ada dalam landasan *ṭarīq* al-Shāṭibī dan *al-Taysīr* mahupun *al-Nashr*.<sup>103</sup>

Pengarang kitab *al-Tajrīd* meriwayatkan bahawa bacaan *imālah* adalah berasaskan *Ṭarīq* Abū Bakr Muḥammad bin Ismā‘īl al-Qurashī. Hal ini disokong oleh pernyataan al-Dānī sendiri di

<sup>102</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā‘āt al-Sab‘*, 106

<sup>103</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā‘āt al-‘Ashr*, 2:38.

dalam *Jāmi' al-Bayān* bahawa beliau pernah mengambil bacaan *imālah* tetapi tidak melalui *Tarīq* Mūsā bin Jarīr.<sup>104</sup>

Para ilmuwan lain seperti al-Şafaqisī,<sup>105</sup> al-Jamzūrī,<sup>106</sup> al-Qāḍī<sup>107</sup> turut menyokong pernyataan Ibn al-Jazarī. Namun, terdapat juga kalangan yang tidak mentarjīhkan mana-mana bacaan seperti al-Fāsī,<sup>108</sup> al-Ja'barī<sup>109</sup> dan Abū Shamah.<sup>110</sup> Adapun al-Samīn al-Ḥalabī menerima kedua-dua bacaan.

### Faktor Perbezaan

Faktor yang membezakan bacaan *fath* dan *imālah* bagi al-Sūsī pada lafaz tersebut adalah dari sudut penyandaran *tarīq* yang berlainan. Walaupun al-Dānī meriwayatkan kedua-dua bacaan tersebut, wajah *imālah* diriwayatkan secara penceritaan dan menggunakan lafaz '*ruwiya*'. Hal ini menunjukkan bacaan tersebut bukan daripada *tarīq* yang dipilihnya iaitu *Tarīq* Mūsā bin Jarīr dan fakta ini dikuatkan dengan kenyataan Ibn al-Jazarī yang menyatakan bacaan *imālah* tidak termasuk dalam *tarīq* yang dipilih oleh *al-Taysīr*, *al-Ḥirz* mahupun *al-Nashr*. Faktor ini menyebabkan al-Ḍabbā' menolak bacaan *imālah* kerana penyandaran *tarīq*nya yang kurang pasti.

### Pendekatan Pemilihan

Menerusi perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt* al-Ḍabbā' terhadap kaedah bacaan *fath* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Tidak Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Tidak berpegang kepada mana-mana syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*.

---

<sup>104</sup> Al-Dānī, *Jāmi' al-Bayān*, 3:1045.

<sup>105</sup> Al-Şafaqisī, *Ghayth al-Naf'*, 102.

<sup>106</sup> Al-Jamzūrī, *al-Fath al-Rahmānī*, 115.

<sup>107</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfi fi Sharḥ al-Shāṭibiyyah*, 214.

<sup>108</sup> Al-Fāsī, *al-La'ālī' al-Farīdah*, 2:876.

<sup>109</sup> Al-Ja'barī, *Kanz al-Ma'ānī*, 3:1516.

<sup>110</sup> Abū Shāmah, *Ibrāz al-Ma'ānī*, 2:686.

### 5) *Bāb Yā' al-Zāidah* (أَلْتَّادِ) dan (أَلْتَّلَاقِ)

Perbincangan melibatkan dua perbahasan, iaitu:

a) Lafaz *al-talāq* dan *al-tanād*. Kedua-dua pilihan kaedah bacaan untuk Qālūn iaitu *ithbāt* dan *hadzaf* huruf *yā'* ketika *wasal* disebut secara jelas di dalam *al-Taysīr*. Beliau mengambil bacaan tersebut daripada gurunya Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad yang berguru dengan 'Abd al-Bāqī bin al-Ḥasan berasaskan *Ṭarīq* Abū Nashīṭ.<sup>111</sup>

Ibn al-Jazarī menyatakan Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad hanya berseorangan meriwayatkan bacaan dua pilihan bacaan tersebut daripada gurunya 'Abd al-Bāqī bin al-Ḥasan. Sedangkan tidak terdapat ilmuan lain yang meriwayatkan bacaan sebegitu sama ada dari *Ṭarīq* Abū Nashīṭ atau al-Ḥulwānī mahupun *ṭarīq-ṭarīq* yang lain kecuali *Ṭarīq* Abū Marwān.<sup>112</sup>

Al-Ṣafaqīsī pula cenderung menyokong pernyataan Ibn al-Jazarī dengan menyatakan bahawa kenyataan tersebut menunjukkan bahawa beliau telah melemahkan wajah *ithbāt* untuk Qālūn. Namun, menurut beliau *keḍa'ifan* itu tidak sampai ke tahap yang membawa kepada penolakan bacaan tersebut secara mutlak.<sup>113</sup>

Al-Qāḍī pula menyatakan bahawa wajah *hadzaf* diriwayatkan oleh *rāwī-rāwī* yang kurang masyhur berbanding wajah *ithbāt*. Justeru beliau menyimpulkan bahawa Qālūn membaca dengan dua pilihan bacaan tetapi bacaan *hadzaf* lebih sahih.<sup>114</sup> Fakta ini turut diakui oleh al-Jamzūrī.<sup>115</sup>

Al-Ja'barī dan al-Fāsī cenderung menyatakan bahawa kedua-dua bacaan yang disebutkan oleh al-Dānī dan al-Shāṭibī adalah sahih.<sup>116</sup>

### Faktor Perbezaan

Faktor yang membezakan bacaan *ithbāt* dan *hadzaf* adalah dari sudut kekuatan dan kesahihan periwayatannya. Walaupun al-Dānī

<sup>111</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'*, 79.

<sup>112</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, 2:146.

<sup>113</sup> Al-Ṣafaqīsī, *Ghayth al-Naf'*, 245.

<sup>114</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfi fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah*, 162.

<sup>115</sup> Al-Jamzūrī, *al-Faṭḥ al-Rahmānī*, 102.

<sup>116</sup> Al-Ja'barī, *Kanz al-Ma'ānī*, 3:1083. Lihat juga al-Fāsī, *al-La'ālī' al-Farīdah*, 1:599.

menyebut secara jelas kedua-dua bacaan tersebut tanpa menggunakan lafaz ‘*ruwiya*’, kekuatan bacaan pilihan tersebut dipertikaikan kerana hanya ‘Abd al-Bāqī bin al-Ḥasan yang meriwayatkan bacaan sebegitu. Oleh kerana kebanyakan ilmuwan menda’*if*kan bacaan pilihan tersebut, al-Ḍabbā’ menetapkan bagi Qālūn hanyalah bacaan *hadzaf* tanpa pilihan.

### **Pendekatan Pemilihan**

Menerusi perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt* al-Ḍabbā’ terhadap kaedah bacaan *fath* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Tidak Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Tidak berpegang kepada mana-mana syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*.

b) Lafaz *kīdūn*. Al-Dānī menyebut dalam *al-Taysīr* hanya bacaan *ithbāt yā’* bagi Hishām iaitu diambil bacaan tersebut daripada gurunya Abū al-Faṭḥ Fāris bin Aḥmad yang berguru dengan ‘Abd Allāh bin al-Ḥusayn berasaskan *Ṭarīq* al-Ḥulwānī.<sup>117</sup>

Ibn al-Jazarī menegaskan bahawa *ṭarīq al-Taysīr* hanyalah meng*ithbāt*kan ya’ sahaja. Beliau menambah, sepatutnya bacaan *hadzaf* tidak dibaca kerana jauhnya daripada *ṭarīq* al-Shāṭibī dan *al-Taysīr* serta *ṭarīq al-Nashr* sendiri. Namun, beliau menyatakan pilihan dua bacaan bagi Hishām ketika *waqaf* sebagaimana diriwayatkan oleh kebanyakan *ṭarīq* adalah sah. Tetapi, ketika *waṣal* beliau tidak menerima bacaan melainkan *ithbāt* sahaja.<sup>118</sup>

Al-Ṣafaqīsī pula berpendapat senada dengan Ibn al-Jazarī bahawa bacaan *hadzaf* tidak termasuk daripada *ṭarīq* al-Shāṭibī, *al-Taysīr* dan *ṭarīq al-Nashr*. Beliau menambah, pernyataan al-Ḍabbā’ di dalam *Jāmi’ al-Bayān* bahawa beliau membaca dengan pilihan dua bacaan adalah berbentuk penceritaan tambahan sahaja dan bukannya termasuk di dalam *ṭarīq al-Taysīr*.<sup>119</sup> Fakta ni turut disokong oleh al-Qāḍī<sup>120</sup> dalam karyanya *al-Wāfī*. Manakala para

<sup>117</sup> Al-Dānī, *al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab’*, 80.

<sup>118</sup> Al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*, 2:141.

<sup>119</sup> Al-Ṣafaqīsī, *Ghayth al-Naf’*, 122.

<sup>120</sup> Al-Qāḍī, *al-Wāfī fī Sharḥ al-Shāṭibiyyah*, 161.

syurrah yang lain seperti Abū Shamah, Al-Ja‘barī, al-Samīn al-Ḥalabī dan al-Fāsī tidak memberi komen dalam permasalahan ini.

### **Faktor Perbezaan**

Penulis melihat faktor yang membezakan bacaan *ithbāt* dan *hadzaf* adalah dari sudut penyandaran dua *ṭarīq* yang berlainan. Hal ini berpunca daripada pilihan al-Shāṭibī yang memilih untuk meriwayatkan dalam *al-Ḥirz* bacaan *hadzaf* bagi Hishām walaupun tidak dinukilkan oleh al-Dānī dalam *al-Taysīr*. Umum mengetahui, *ṭarīq* yang dipilih oleh al-Dānī dan al-Shāṭibī bagi Hishām adalah berasaskan *Ṭarīq* al-Ḥulwānī. Adapun bacaan *hadzaf* tidak dapat dipastikan *ṭarīq*nya kerana Ibn al-Jazarī sendiri menyatakan ia bukan daripada *ṭarīq al-Taysīr*, *al-Ḥirz* mahupun *al-Nashr*. Oleh kerana itu, *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* menolak bacaan *hadzaf* bagi Hishām.

### **Pendekatan Pemilihan**

Menerusi perbincangan di atas, pemilihan *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘* terhadap kaedah bacaan *fathḥ* adalah berasaskan kepada pendekatan:

1. Berpegang kepada *al-Taysīr*.
2. Berpegang kepada *al-Nashr*.
3. Tidak berpegang kepada mana-mana syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah*.

### **6) Faktor Perbezaan Kaedah Bacaan *Tahrīrāt al-Ḍabbā‘***

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa status kedudukan *ṭarīq* periwayatan kalimah-kalimah tersebut dalam *Matn al-Shāṭibiyyah* dan *al-Taysīr* mempengaruhi pemilihan kaedah bacaan yang dipilih oleh al-Ḍabbā‘ dalam *tahrīrāt*nya. Pada beberapa perbahasan al-Shāṭibī menggunakan konsep *ikhtiyār* dalam pemilihan gaya bacaan tertentu walaupun sebahagiannya terkeluar daripada landasan *ṭarīq* yang dipilihnya. Tambahan pula, sikap al-Shāṭibī yang tidak menyatakan *ṭarīq* terhadap gaya bacaan tambahan yang telah dipilihnya menyukarkan pengkaji seterusnya bagi menentukan sanad dan kesahihan bacaan tersebut. Pada sebahagian perbahasan, al-Dānī juga tidak ketinggalan menggunakan konsep *ikhtiyār* dalam



menukilkan gaya bacaan tertentu yang kadangkala terkeluar daripada landasan *ṭarīq* yang dipilihnya.

Ringkasnya, *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ memilih bacaan yang berbeza dengan *Matn al-Shāṭibiyyah* berasaskan faktor-faktor berikut:

i. Kaedah bacaan bukan daripada *ṭarīq Matn al-Shāṭibiyyah*. *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ menolak kaedah bacaan yang dinukilkan oleh al-Shāṭibī dalam *Matn al-Shāṭibiyyah* yang berbeza dan terkeluar dari *ṭarīq* kitabnya dan *ṭarīq al-Taysīr*. Faktor ini berlaku pada empat perbincangan iaitu pada *Bāb Hā’ al-Kināyah*, *Hamz al-Mufrad*, *al-Idghām al-Ṣaghīr*, *Yā’āt al-Zawāid* pada kalimah *kīdūn*.

ii. Kaedah bacaan yang disebut dalam *al-Taysīr* tetapi bukan daripada *ṭarīqnya*. *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ menolak kaedah bacaan yang dinukilkan oleh al-Shāṭibī dalam *Matn al-Shāṭibiyyah* yang meriwayatkan bacaan yang disebut oleh al-Dānī dalam *al-Taysīr*, tetapi terkeluar dari *ṭarīq al-Taysīr*. Faktor ini berlaku pada tiga perbincangan iaitu pada *Bāb al-Imālah* pada kalimah *yuwārī* dan *fa-uwāriya*, *kāf-hā-yā-‘ayn-sād* dan *ra’ā*.

iii. Kaedah bacaan yang lemah. *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ menolak kaedah bacaan yang lemah yang dinukilkan oleh al-Shāṭibī dalam *Matn al-Shāṭibiyyah* walaupun bacaan tersebut berada di atas landasan *ṭarīq* periwayatan yang dipilih oleh al-Dānī dalam penyusunan karya *al-Taysīr*. Faktor ini berlaku pada dua perbincangan iaitu pada *Bāb al-Imālah* pada lafaz *wana’ā* dan *Yā’āt al-Zawāid* pada lafaz *al-talāq* dan *al-tanād*.

## 7) Pendekatan Pemilihan Kaedah Bacaan *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘

Berasaskan perbincangan di atas juga, *Tahrīrāt* al-Ḍabbā‘ menyaring dan memilih gaya bacaan yang bercanggah dengan al-Shāṭibī berasaskan kepada pendekatan merujuk dan berpegang kepada sumber-sumber yang muktabar dan berautoriti dalam ilmu Qira’at. Sumber-sumber tersebut adalah daripada *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan beberapa karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah* yang terawal. Jika dilihat secara khusus, bentuk-bentuk pendekatan tersebut boleh dibahagikan kepada lima jenis:

i. Tidak berpegang sepenuhnya kepada nukilan al-Shāṭibī dalam *al-Ḥirz*. Ia merupakan pendekatan umum yang menyebabkan berlakunya perbezaan ketara antara tahriratnya

dengan *al-Ḥirz*. Walaupun pendekatan ini meliputi keseluruhan perbahasan yang dibentangkan oleh penulis, perbezaan tersebut hanyalah sebahagian kecil daripada keseluruhan kandungan karya agung *al-Ḥirz*. Jika dilihat kepada perbincangan di atas, pendekatan ini juga tidak terkecuali dalam kalangan *muḥarrirūn* dan para *shurrāḥ al-Ḥirz* seperti al-Jamzūrī, al-Ibyārī, Abū Shamah, al-Fāsī dan lain-lain.

ii. Berpegang kepada *al-Taysīr* semata-mata. Pendekatan ini digunakan hanya dalam *Bāb Hā' al-Kināyah* yang mengesampingkan penjelasan daripada Ibn al-Jazarī dalam *al-Nashr* dan beberapa penulis karya syarahan *al-Ḥirz*.

iii. Berpegang kepada *al-Nashr* semata-mata. Pendekatan ini tidak digunakan secara menyeluruh oleh al-Ḍabbā'. Berdasarkan analisis yang dikemukakan, terdapat lima perbahasan yang menggunakan pendekatan ini iaitu *Bāb al-Imālah* pada lafaz *yuwārī, fa-uwāriya, kāf-hā-yā-‘ayn-sād, wana’ā, ra’ā, Yā’āt al-Zawāid* pada lafaz *al-talāq* dan *al-tanād*.

iv. Berpegang kepada *al-Taysīr* dan *al-Nashr* secara sekaligus. Pendekatan ini juga tidak digunakan secara konsisten dalam semua perbahasan. Berdasarkan analisis, ia hanya digunakan dalam tiga perbahasan, iaitu *Bāb Hamz al-Mufrad, al-Idghām al-Ṣaghīr, Yā’āt al-Zawāid* pada kalimah *kīdūn*.

v. Berpegang kepada empat karya terawal syarahan *al-Ḥirz*. Pendekatan ini meliputi hampir kesemua perbahasan yang dibincangkan. Namun, *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* tidak secara konsisten berpegang dengan keempat-empat syarahan pada setiap perbahahasan. Majoritinya beliau berpegang kepada Abū Shamah. Manakala sebahagiannya beliau berpegang dengan al-Fāsī, al-Ja‘barī dan Samin. Hal ini demikian kerana tiada kesepakatan para *shurrāḥ* sama ada secara individu mahupun *ijmā'* dalam menolak atau menerima bacaan-bacaan tertentu walaupun kadangkala ia jelas bersituasi terkeluar atau termasuk dalam landasan *ṭarīq al-Taysīr* dan *al-Ḥirz*.

Berdasarkan lima jenis pendekatan, beliau hanya konsisten dalam menggunakan pendekatan pertama dan kelima sahaja. Manakala untuk pendekatan kedua sehingga keempat beliau dilihat tidak konsisten kerana terdapat pemilihan bacaan yang hanya berasaskan kepada salah satu karya iaitu *al-Taysīr* atau *al-*

*Nashr* semata-mata. Dan adakalanya beliau berpegang kepada kedua-duanya secara sekaligus.

Penulis bersetuju dengan al-Ḍabbā' yang tidak menggunakan pendekatan merujuk *al-Taysīr* secara menyeluruh kerana terbukti berdasarkan analisis yang dipaparkan ternyata tidak semua bacaan yang dinukilkan oleh al-Dānī termasuk dalam landasan *ṭarīq* yang dipilihnya. Namun, penulis tidak bersetuju dengan pendekatannya yang tidak berhujah dengan pendapat Ibn al-Jazarī pada sesetengah perbahasan sedangkan pada perbahasan yang lain beliau berhujah dengan pendapatnya. Hal ini kerana, Ibn al-Jazarī diiktiraf kepakarannya dalam menganalisis bacaan-bacaan yang dikategorikan sahih dan lemah dan merupakan ilmuan yang cukup berautoriti untuk dipetik pendapatnya.

Jika ditinjau dari sudut yang lain, penulis bersetuju dengan pendekatan al-Ḍabbā' yang hanya berpegang kepada karya *al-Taysīr* tanpa menjadikan karya kedua al-Dānī iaitu *Jāmi' al-Bayān* sebagai hujah menyokong gaya bacaan tertentu. Hal ini kerana skop perbahasan adalah berdasarkan *ṭarīq* al-Shatibi yang berpandukan *ṭarīq al-Taysīr* yang mana *ṭarīq* periwayatannya dan *Jāmi' al-Bayān* adalah berlainan antara satu sama lain.

## Penutup

Berdasarkan analisis dan hasil dapatan yang dibentangkan, penulis menyimpulkan penulisan ini kepada beberapa perkara penting:

i. Terdapat perbezaan kaedah bacaan pada kalimah-kalimah *uṣūl* antara *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* dan *Matn al-Shāṭibiyyah*. Perbezaan tersebut melibatkan 5 bab dengan 9 perbahasan yang merangkumi 11 kalimah. Keseluruhannya melibatkan lima orang *rāwī* iaitu Qālūn, al-Sūsī, Hishām, Ibn Dzakwān dan al-Dūrī al-Kisā'ī. Dari sudut bentuk perbezaan yang berlaku, ia hanya melibatkan dua bentuk iaitu penambahan dan pengurangan kaedah bacaan.

ii. Faktor asas yang menyebabkan perbezaan ini berlaku adalah kerana *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* menolak beberapa kaedah bacaan yang dinukilkan oleh al-Shāṭibī dalam *al-Hirz*. Hal ini disebabkan oleh status kedudukan *ṭarīq* periwayatan kaedah bacaan tersebut yang mana sebahagiannya tidak berada di atas landasan *ṭarīq Matn al-Shāṭibiyyah* dan *al-Taysīr*. *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* juga menolak sebahagian kaedah bacaan yang lemah walaupun dilihat berada di

atas landasan tariq kedua-duanya. Faktor-faktor yang disimpulkan ini penting bagi memastikan *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* khususnya dan beberapa *tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* yang lain umumnya sahih dan tulen kaedah bacaanya serta patut diamal dan dipegang secara dirayahnya.

iii. *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* berpendekatan jelas dalam memilih pendapat-pendapat tertentu terhadap kalimah yang dibahaskan sama ada yang mempunyai perselisihan dalam kalangan ilmuwan ataupun sebaliknya. Berdasarkan lima pendekatan yang dipaparkan, secara umumnya jelas bahawa *al-Ḍabbā'* berpendekatan berpegang kepada sumber-sumber muktabar iaitu daripada *al-Taysīr*, *al-Nashr* dan karya syarahan *Matn al-Shāṭibiyyah* dalam memilih kaedah bacaan sebagaimana amalan *tahrīrāt-tahrīrāt* yang lain. Hal ini penting bagi memastikan ketulenan bacaan yang dipilihnya dan sahih bukan sahaja dari sudut *riwāyah* tetapi juga *dirāyah*. Pendekatan ini juga secara tidak langsung menolak pandangan yang melarang daripada beramal dengan *tahrīrāt*.

Penulisan ini secara langsung memperlihatkan kesahihan kaedah bacaan dalam *Tahrīrāt al-Ḍabbā'* dan diharapkan memberi impak sebagai data yang menyokong pengamalan *tahrīrāt al-Shāṭibiyyah* dalam pembacaan *qirā'āt*. Akhir sekali, penulis mencadangkan supaya dapat dikembangkan analisis aspek perbezaan ini kepada bahagian *farsh al-hurūf*. Hal ini signifikan bagi memperlihatkan sama ada di sana terdapat perbezaan atau persamaan antara bahagian *uṣūl* dan juga *farsh al-hurūf* dari sudut faktor dan pendekatan pemilihan kaedah bacaan serta aspek-aspek yang lain.

## Rujukan

- ‘Abd al-Rāziq Mūsā. *Tadrīb al-Ṭalabah ‘alā Tahrīrāt al-Tayyibah*. Kuwait: Ghirrās, 2008.
- ‘Āmir ‘Uthmān al-Sayyid. *Faṭḥ al-Qadīr Sharḥ Tanqīḥ Faṭḥ al-Karīm*. ed. ‘Alī Muḥammad Tawfīq al-Naḥḥās. Tanta: Dār al-Saḥābah, 2012.
- Abū al-Hāj, Thābet Aḥmad. “Al-Ijāzāt wa al-Asānīd wa Dawruhā fi Ḍabṭ al-Qirā’āt wa Itqānihā wa Ḥifẓ al-Qur’ān al-Karīm,” *Jurnal Usuluddin* 46 (2): 2018: 203-220.

- Abū Shāmah, ‘Abd al-Rahmān bin Ismā‘īl. *Ibrāz al-Ma‘ānī min Hirz al-Amānī*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2008.
- Ayman Baqlah. *Tashīl ‘Ilm al-Qirā’āt*. T.tp.: t.p., 2009.
- Al-Azmīrī, Muṣṭafā bin ‘Abd al-Rahmān. *‘Umdah al-‘Irfān fī Tahṛīr Awjuh al-Qur’ān*. ed. Muḥammad Jābir dan ‘Abd al-‘Azīz al-Zayyāt. Kaherah: Maktabah al-Jundī, 2006.
- Al-Barmāwī, Ilyās bin Aḥmad Ḥusayn. *Imtā‘ al-Fuḍalā’ bi Tarājim al-Qurrā’*. Madinah: Maktabah Dār al-Zamān, 2007.
- Al-Ḍabbā‘, ‘Alī bin Muḥammad. *Iḥāf al-Bararah bi al-Mutūn al-‘Asharah*. ed. Muḥammad al-Dusūqī. Kaherah: Dār al-Salām, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Mukhtaṣar Bulūgh al-Umniyyah*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2004.
- \_\_\_\_\_. *Sharḥ Iḥāf al-Bariyyah bi Tahṛīrāt al-Shāṭibiyyah*. ed. Abū al-Khayr ‘Umar bin Mālam. Riyadh: Aḍwā’ al-Salaf, 2007.
- Al-Dānī, Abū ‘Amr ‘Uthmān bin Sa‘īd. *al-Taysīr fī al-Qirā’āt al-Sab’*. Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2006.
- \_\_\_\_\_. *Jāmi‘ al-Bayān fī al-Qirā’āt al-Sab’*. UAE: Jāmi‘ah al-Shāriqah, 2007.
- Al-Fāsī, ‘Abd Allāh Muḥammad bin al-Ḥasan. *al-La‘ālī’ al-Farīdah fī Sharḥ al-Qaṣīdah*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2007.
- Fu‘ād Ṭala‘at, Ashrāf Muḥammad. *Al-‘Allāmah ‘Alī Muḥammad al-Ḍabbā‘: Juhūdih wa Mu‘allafātuh fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Isma‘iliyyah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2006.
- Ibn Shurayḥ, Muḥammad al-Andalusī. *al-Kāfī fī al-Qirā’āt al-Sab’*. ed. Aḥmad Maḥmūd ‘Abd al-Samī‘. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.
- Ḥāb Aḥmad Fikrī. *Taqrīb al-Shāṭibiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Islāmiyyah, 2010.
- Ḥāb Aḥmad Fikrī. *Taqrīb al-Tayyibah*. Kaherah: Maktabah al-Islāmiyyah, 2010.
- Al-Ja‘barī, Ibrāhīm bin ‘Umar. *Kanz al-Ma‘ānī fī Sharḥ Hirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*. ed. Farghalī Sayyid ‘Arabāwī. Giza: Maktabah Awlād al-Shaykh li al-Turāth, 2011.

- Al-Jamzūrī, Sulaymān bin Ḥusayn. *al-Fath al-Rahmānī Sharḥ Kanz al-Ma'ānī bi Tahrīr Ḥirz al-Amānī*. ed. 'Abd al-Karīm Ibrāhīm. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2006.
- Al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad. *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. ed. Jamāl al-Dīn Muḥammad Sharaf. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2002.
- \_\_\_\_\_. *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*. ed. Tanta Ṭanṭā: Dār al-Ṣaḥābah, 2009.
- Al-Mirṣafī, 'Abd al-Fattāḥ bin Sayyid 'Ajmī. *Hidāyah al-Qārī ilā Tajwīd Kalām al-Bārī*. Madinah: Maktabah al-Ṭayyibah, t.t.
- Al-Mutawallī, Muḥammad bin Aḥmad. *al-Rawḍ al-Naḍīr*. ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah, 2006.
- Al-Qāḍī, 'Abd al-Fattāḥ. *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Kaherah: Dār al-Salām, 2010.
- \_\_\_\_\_. *al-Wāfī fī Sharḥ al-Shāḥībiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2009.
- Al-Qaysī, Abu Muḥammad Makkī bin Abī Ṭālib. *al-Tabṣīrah fī al-Qirā'āt al-Sab'*. ed. Muḥammad Ghawth al-Nadawī. Bombay: al-Dār al-Salafīyyah, 1982.
- Al-Ṣafaqīsī, 'Alī al-Nurī. *Ghayth al-Naf' fī al-Qirā'āt al-Sab'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999.
- Al-Samīn al-Ḥalabī, Aḥmad bin Yūsuf. *al-'Iqd al-Naḍīd fī Sharḥ al-Qaṣīd*. ed. Ayman Rushdī Suwayd. Kaherah: Maktabah al-Mawrid, 2001.
- Al-Shāḥībī, al-Qāsīm bin Firruh. *Ḥirz al-Amānī wa Wajh al-Tahānī*. ed. Muḥammad Tamīmī al-Zu'bī. Kaherah: Maktabah al-Mawrid, 2011.
- Al-'Ubaydī, Ibrahim bin Badwi. *al-Taḥārīr al-Muntakhabah*. ed. Khālīd Ḥasan Abū al-Jūd. Mesir: Maktabah 'Ibād al-Rahmān, 2009.